



berjaya mendapat kontrak daripada Kementerian Pendidikan untuk membina dua buah sekolah dalam kawasan projek perumahan Mutiara Rini ini. Pembinaan projek yang berdekatan dengan Singapura ini memberikan satu kelebihan kepada kami kerana kami kini dibenarkan untuk memasarkan projek-projek perumahan di sana.

Boustead Development Sdn Bhd mengalami keadaan yang sukar bagi tempoh Julai 1998 hingga Disember 1999 ekoran kegawatan ekonomi dan pengurangan projek-projek mewah oleh Mutiara Rini dan penangguhan projek Mutiara Damansara.

Jernih Rezeki Sdn Bhd yang mempunyai projek pembangunan di Seberang Prai, Pulau Pinang telah menjual kesemua 101 unit rumah dalam Fasa 1 dan telah melancarkan Fasa 2A yang meliputi 59 unit rumah teres dua tingkat. Sambutan sangat menggalakkan berikutan harga yang berpatutan dan Fasa 1 yang telah siap sebagai bukti kualiti yang tinggi.

Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd terus menyewakan hartanahnya untuk digunakan sebagai tempat letak kereta dan pusat hiburan. Sementara itu, rancangan untuk membangunkan semula hartanah ini adalah diperingkat memberangsangkan.

Kulai Batu Quarry Sdn Bhd, satu usahasama dengan Kumpulan Pioneer, Australia memulakan operasi perkuariannya pada bulan Ogos 1998. Produknya yang meliputi agregat, 'crusher runs' dan debu kuari, telah dijual kepada para kontraktor di dalam dan sekitar Johor. Syarikat kini sedang meninjau untuk memperluaskan pasarannya di Johor dan Singapura.

Akademi Pendidikan Pemandu (M) Sdn Bhd terus mengendalikan sekolah memandu sebagai aktiviti perniagaannya dan rancangan sedang dibuat untuk membangunkan kawasan hartanah akademi di Jalan Genting Klang, Kuala Lumpur itu.

awarded the contract for the construction of two schools within the Mutiara Rini area by the Ministry of Education. Close proximity of the development to Singapore is a plus factor as we are now permitted to market our houses there.

Boustead Development Sdn Bhd experienced a tough period from July 1998 to December 1999 due to the downturn and the curtailing of high end projects by Mutiara Rini and the deferral of the Mutiara Damansara project.

Jernih Rezeki Sdn Bhd, which has a development project in Seberang Prai, Pulau Pinang, sold all 101 units in Phase 1 and has now launched Phase 2A, which comprises 59 units of double storey terrace houses. Response has been encouraging due to competitive pricing and the availability of completed Phase 1 units as evidence of the high standards.

Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd continues to rent out its properties for use as carparks and entertainment outlets. In the interim period, the planning for the redevelopment of the area is at an advanced stage.

Kulai Batu Quarry Sdn Bhd, the joint venture with the Pioneer Group of Australia, started its quarry operations in August 1998. Its products, which comprise mainly aggregates, crusher runs and quarry dust, are sold to contractors in and around Johor. The company is looking to expand its market share in Johor and Singapore.

Akademi Pendidikan Pemandu (M) Sdn Bhd's business activity remained a driving school while plans are being drawn up to develop the property at Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur.

Gudang dan ruang pejabat Boustead yang baru di Kuantan. Boustead's new warehouse cum office at Kuantan.

Bahagian Pembuatan

	1999*	1998
Perolehan	RM82.9 juta	RM58.2 juta
Keuntungan sebelum cukai	RM27.1 juta	RM7.7 juta
Aset digunakan	RM142 juta	RM124 juta
Pekerja	449	439

* Bagi lapan belas bulan

Berikutan pertumbuhan yang sungguh baik yang dicatatkan oleh sektor pembuatan di Malaysia, pendapatan Bahagian ini bagi tempoh kajian meningkat lebih tiga kali ganda berbanding tahun sebelumnya.

Bagi hampir keseluruhan tahun laporan, prestasi **Boustead Sissions Paints Sdn Bhd** telah terjejas ekoran keadaan pasaran yang terus merosot. Jualan kepada projek adalah lembap oleh kerana projek perumahan berkurangan. Penjualan runcit juga adalah lembap disebabkan tiada permintaan. Di samping itu, persaingan masih hebat, terutamanya bagi barangan yang berharga rendah. Terdapat juga persaingan hebat bagi produk premium dengan menggiatkan promosi, dengan ini mengurangkan margin keuntungan. Sissions China mula menjalankan pengeluaran komersil pada 31 Ogos 1999 dan telah mencatatkan sedikit kerugian.

UAC Berhad telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih memberangsangkan sebanyak RM32.7 juta bagi tahun berakhir Jun 1999 meskipun perolehan merosot sebanyak 13%. Produk serabut simen kekal sebagai penyumbang utama kepada penjualan dan keuntungan. Ini dapat mengimbangi permintaan yang berkurangan bagi sistem automasi bangunan akibat kemerosotan sektor hartanah.

Syarikat telah menjual bekalan terakhir paip simen asbestosnya pada bulan Jun 1999, sekali gus menamatkan perniagaan yang menjangkau lebih 30 tahun. Pelupusan anak syarikat

Manufacturing Division

	1999*	1998
Turnover	RM82.9 m	RM58.2 m
Pre-tax profit	RM27.1 m	RM7.7 m
Assets employed	RM142 m	RM124 m
Employees	449	439

* For eighteen months

With Malaysia's manufacturing sector registering excellent growth, Divisional earnings for the period under review increased more than three-fold from that of the previous year.

For the greater part of the year, **Boustead Sissions Paints Sdn Bhd's** performance was adversely affected by continuing soft market conditions. Project sales were extremely weak as there were few housing projects. Retail sales were also soft as demand was not there. Moreover, competition remained stiff, especially at the lower price end of the market. Premium products were also fought out by competitors through aggressive promotions, thereby eating into margins. Sissions China commenced commercial production on 31 August 1999 and a small loss was registered.

UAC Berhad reported an improved pre-tax profit of RM32.7 million for the year ended June 1999, despite a 13% drop in turnover. Fibre cement building products remained the main contributor of sales and profit. This compensated for the reduced demand for building automation systems arising from the slowdown in the property sector.

The company sold its last length of asbestos cement pipe in June 1999, thus ending a business association which dates back more than 30 years. The disposal of

Produk fiber simen
UAC Berhad yang
digunakan secara inovatif
di beberapa projek di Johor
dan Negeri Sembilan.
UAC Berhad fibre cement
products used innovatively
at various projects in Johor
and Negeri Sembilan.





automasi pembinaannya, CNA Engineers Pte Ltd dan CNA Engineering Sdn Bhd telah diumumkan pada bulan November 1999. Syarikat telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan James Hardie Australia Pte Ltd pada bulan Disember 1999 bagi mengadakan usahasama untuk pembuatan, pemasaran dan penjualan produk serabut simen di rantau Asia.

Meskipun menghadapi kelembapan sentimen pengguna, **Kao (Malaysia) Sdn Bhd** berjaya mengakhiri tahun laporan dengan pencapaian yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Kejayaan ini adalah hasil pelaksanaan beberapa langkah yang dijalankan untuk meningkatkan produktiviti dan margin pengeluaran. Bagi mengekalkan daya saing, pelbagai usaha berkaitan peningkatan mutu produk dan pelancaran semula produk telah dijalankan. Tahun laporan menyaksikan satu lagi detik bersejarah bagi syarikat apabila berjaya memperolehi pengiktirafan ISO 9002.

Phoenix Heights Sdn Bhd menjalankan semula pengeluaran sepenuhnya menjelang akhir tahun laporan apabila bekalan kelapa kembali kepada keadaan sebelumnya. Penjualan eksport telah meningkat tetapi pasaran tempatan terus menyumbang sebahagian besar kepada hasil perolehan.

Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd memperlihatkan prestasi yang baik dalam tahun laporan hasil langkah-langkah yang dilaksanakan pada tahun lepas. Penyusunan semula barangan inventori membantu mengurangkan kos pegangan manakala tumpuan yang lebih terhadap produk utama membantu meningkatkan persaingan pasaran.

Pengeluaran duit syiling untuk Bank Negara Malaysia merupakan aktiviti utama **Boustead Mint Sdn Bhd**. Lebih 530 juta duit syiling dengan pelbagai nilai telah dihasilkan dalam tahun laporan. Tahun laporan juga menyaksikan kilang wang buat pertama kalinya melancarkan dua jenis syiling kenangan sempena perlumbaan bersejarah Formula One Grand Prix Malaysia yang pertama.

building automation subsidiaries, CNA Engineers Pte Ltd and CNA Engineering Sdn Bhd was announced in November 1999. The company signed a Memorandum of Understanding in December 1999 with James Hardie Australia Pte Ltd to form a joint venture for the manufacture, marketing and sale of fibre cement products in the Asian region.

Despite soft consumer sentiments, **Kao (Malaysia) Sdn Bhd** managed to close the year on an improved note compared with the previous year. This was achieved through the implementation of several measures to increase productivity and production margins. To maintain competitiveness, product improvements and product re-launches were carried out. The year saw another milestone in the history of the company when it obtained the ISO 9002 certification.

Phoenix Heights Sdn Bhd resumed full production towards the end of the year under review when supply of coconuts returned to normal. Export sales have also picked up, but domestic market continues to provide the bulk of the revenue.

Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd performed well during the year under review due to measures adopted the previous year. The rationalisation of inventory items helped to reduce holding costs while greater focus on core products helped to increase market competitiveness.

The production of circulation coins for Bank Negara Malaysia was the main activity of **Boustead Mint Sdn Bhd**. More than 530 million coins of various denominations were minted during the year. The year also saw the Mint's maiden launch of two commemorative coins in conjunction with the historic 1st Malaysian Formula One Grand Prix.

*Duit syiling peringatan
F1 yang dikeluarkan
oleh Boustead Mint.
F1 commemorative coins
produced by Boustead Mint.*

Bahagian Perdagangan, Pengangkutan & Perkhidmatan

	1999*	1998
Perolehan	RM624 juta	RM482 juta
Kerugian sebelum cukai	(RM14.4 juta)	(RM3.4 juta)
Aset digunakan	(RM5.6 juta)	RM20.8 juta
Pekerja	1,141	1,143

* Bagi lapan belas bulan

Sebahagian besar syarikat dalam Bahagian ini, terutamanya Boustead Trading (1985) Sdn Bhd dan Boustead Johan Edaran Sdn Bhd, masih belum pulih sepenuhnya daripada kesan negatif kegawatan ekonomi. Dengan itu, terdapat peningkatan kerugian dicatatkan oleh Bahagian ini.

Produk-produk
yang diedarkan oleh
Boustead Trading.
Products distributed
by Boustead Trading.



Aktiviti **Boustead Trading (1985) Sdn Bhd** terus terjejas akibat keadaan ekonomi yang kurang menggalakkan. Permintaan bagi barangan pengguna yang lembap, menyebabkan perolehan menurun. Walaupun menghadapi keadaan yang sukar, satu program lengkap dan menyeluruh sedang dijalankan bagi menyusun semula operasi dan memastikan bahawa keadaan ini tidak berlanjutan. Pelaburan dalam teknologi maklumat terus diberi keutamaan demi meningkatkan kelebihan daya saing serta menyediakan perkhidmatan yang cekap kepada pasaran yang sentiasa berubah dan seiring dengan saluran pengedaran yang moden. Sejajar dengan pemulihan ekonomi, syarikat yakin dapat mencapai keputusan yang lebih baik dalam masa terdekat.

Perniagaan wakil insurans **Boustead Sales & Services Sdn Bhd** terus mencatatkan keuntungan meskipun menghadapi persaingan hebat. Walau bagaimanapun, operasi Perdagangan Antarabangsanya di Yangon, menerusi **Wah-Seong Boustead Co. Ltd**, masih lagi terbatas dengan adanya sekatan perdagangan. Syarikat bersedia untuk memperluaskan aktivitinya berikutan pemulihan ekonomi serantau dan kelonggaran sekatan perdagangan yang dijangka dalam masa terdekat.

Trading, Transportation & Services Division

	1999*	1998
Turnover	RM624 m	RM482 m
Pre-tax loss	(RM14.4 m)	(RM3.4 m)
Assets employed	(RM5.6 m)	RM20.8 m
Employees	1,141	1,143

* For eighteen months

Most companies in the Division, particularly Boustead Trading (1985) Sdn Bhd and Boustead Johan Edaran Sdn Bhd, have yet to recover fully from the negative effects of the economic downturn. Hence an increased loss was registered by the Division.

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd continued to be adversely affected by the unfavourable economic conditions. Demand for general consumer goods remained sluggish, resulting in an unavoidable drop in turnover. Despite the difficult conditions, a comprehensive programme is being instituted to streamline operations and to ensure that the quickest possible turnaround is effected. Investment in information technology continues to be a priority to increase the competitive edge, as well as to effectively service the changing marketplace and to keep abreast with modern channels of distribution. In line with the country's economic recovery, the company is confident of achieving better results in the near future.

Boustead Sales & Services Sdn Bhd's insurance agency business continues to be profitable in spite of keen competition. However, its International Trade operation in Yangon, through **Wah-Seong Boustead Co. Ltd** is still limited in scope due to trading restrictions. The company is poised to expand with the economic recovery in the region, as well as the anticipated easing of trade restrictions in the near future.



Dengan inisiatif Kerajaan untuk memajukan industri pelancongan sebagai salah satu industri teras negara, **Boustead Travel Services Sdn Bhd** telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan mencatatkan keuntungan yang tertinggi. Penjualan tiket terus menjadi sebahagian dari perniagaan teras dengan sokongan padu daripada cawangan-cawangan utama. Terdapat peningkatan yang ketara dalam pendapatan dari aktiviti-aktiviti dalam negara yang mendapat manfaat dari acara-acara sukan bertaraf antarabangsa seperti perlumbaan Formula One dan Golf Piala Dunia.

Operasi **Boustead Engineering Sdn Bhd** terus menghasilkan keuntungan meskipun menghadapi keadaan ekonomi yang sukar. Syarikat mampu mengekalkan permintaan bagi produk dan perkhidmatannya manakala sebilangan projek yang berkaitan dengan sistem pengendalian barangan dan bagasi telah berjaya disiapkan.

Boustead-Johnson Edaran Sdn Bhd, sejajar dengan pertukaran nama pemegang saham utamanya, menukar namanya kepada **Boustead Johan Edaran Sdn Bhd** dalam bulan Januari 1999. Aktiviti dalam sektor pembinaan dan hartanah terus lembap dalam tahun laporan disebabkan sebahagian besarnya oleh kapasiti yang berlebihan dalam pasaran. Dengan penyusutan perolehan dan margin kasar yang diperolehi menyebabkan syarikat mengalami kemerosotan. Tanda-tanda pemulihan ekonomi bagi sektor pembinaan semakin ketara dan dijangka akan memberi kesan positif kepada prestasi syarikat dalam tahun 2000.

Peningkatan ketara jumlah jualan dan keuntungan **Riche Monde Sdn Bhd** adalah sejajar dengan pemulihan ekonomi dan kadar faedah yang lebih rendah. Semua jenama kini berada dalam kedudukan yang baik untuk mengambil peluang daripada peningkatan berterusan dalam pasaran Domestik dan Bebas Cukai.

With the Government taking serious initiatives to boost tourism as one of the nation's core industries, **Boustead Travel Services Sdn Bhd** performed commendably, achieving a record profit. Ticketing continues to be the core business segment with strong support coming from main branches. There was a marked improvement in revenue from inbound activities, benefiting much from world class sporting events like the Formula One race and the World Cup Golf.

The operations of **Boustead Engineering Sdn Bhd** remained profitable in spite of the prevailing difficult economic conditions. The company was able to ensure a sustainable demand for its products and services while a number of projects in materials and baggage handling systems were successfully completed.

Boustead-Johnson Edaran Sdn Bhd, in line with the change of name of its significant shareholder, changed its name to **Boustead Johan Edaran Sdn Bhd** in January 1999. Activity in the construction and property sector remained subdued during the year largely due to excess capacities in the marketplace. With the lower turnover achieved and lower gross margins realised, the company suffered a setback. Signs of recovery in the building sector have become evident, and it is anticipated that this will have a positive effect in the performance of the company in the year 2000.

Riche Monde Sdn Bhd's significant improvement in sales volume and profitability was in line with the economic recovery and lower finance charges. All brands are well placed to capitalise on a continuing upturn in both the Domestic and Duty Free markets.

Aktiviti-aktiviti yang telah diaturkan oleh Boustead Travel Services untuk 170 pelancong dari Perancis.

Leisure activities organised by Boustead Travel Services for 170 tourists from France.

Meskipun jualan susut, keuntungan **Drew Ameroid Sdn Bhd** adalah melebihi paras tahun sebelumnya dan hasil daripada langkah-langkah pengurangan kos yang dilaksanakan.

Boustead Shipping Agencies Sdn Bhd berjaya mencatatkan keputusan cemerlang meskipun berhadapan dengan kelembapan ekonomi secara keseluruhan di rantau ini. Hasil bersih susut sedikit berbanding tahun sebelumnya disebabkan syarikat perkapalan utama dari Korea menarik diri untuk memulakan operasinya sendiri. Walaupun menghadapi persaingan yang hebat, syarikat berjaya mendapat sokongan padu bagi jumlah eksportnya melalui laluan perdagangan utama ke Amerika Syarikat dan Eropah. Penghantaran kargo melalui laluan perdagangan kontena ke Timur Tengah, Asia Utara, Papua New Guinea dan Australia juga menyumbang kepada hasil pendapatan. Dalam sektor pukal, cawangan di Malaysia Timur terus mendapat manfaat dari pengeksportan Balak, Papan Lapis dan Produk-produk Kayu ke pelabuhan-pelabuhan Jepun dan Timur Tengah. Syarikat baru-baru ini dilantik sebagai wakil bagi Syarikat Perkapalan Republik Islam Iran yang mengendalikan pelbagai perkhidmatan perkapalan, khususnya ke negara-negara Timur Tengah dan C.I.S.

*Iran Shipping Line,
sebuah agensi baru
Boustead Shipping.
Boustead Shipping's
newly acquired agency,
Iran Shipping Line.*

Bagi aktiviti agensi bukan perkapalan, Bahagian Pengangkutan Udara mencatatkan keputusan yang semakin baik, dengan memperolehi beberapa akaun yang penting dan mengadakan hubungan dengan rakan kongsi di luar negara. Aktiviti Pergudangan dan Penghantaran turut memperlihatkan

Despite reduced sales, **Drew Ameroid Sdn Bhd's** profitability was above last year's level and budget due to cost reduction measures undertaken.

Boustead Shipping Agencies Sdn Bhd achieved excellent results despite generally weak economic conditions in the region. Net revenue was marginally lower than the previous year due primarily to the withdrawal of a major Korean line when this Principal started its own operation. Despite strong competition, the company was able to secure good support in the export volume on the main tradelanes to USA and Europe. Cargo lifting in the other container trade routes to the Middle East, North Asia, Papua New Guinea and Australia also contributed towards revenue earnings. In the Breakbulk sector, East Malaysian branches continue to enjoy a good share of the Timber, Plywood and Wood Products export to Japan and the Middle Eastern ports. The company has recently been appointed agents for the Islamic Republic of Iran Shipping Line which operates various shipping services, particularly to the Middle East and the C.I.S. countries.

In the non-shipping agency area, the Air Freight Division achieved improved results, having secured a number of important accounts as well as vital linkages with partners overseas. The Warehousing and Forwarding activities also performed satisfactorily and with good global connection, we are confident that



*Kajian hidrografik yang
dijalankan oleh BTL
di pelabuhan baru
Tanjong Pelepas, Johor.
Hydrographic survey
undertaken by BTL
at the new port of
Tanjong Pelepas, Johor.*



prestasi yang memuaskan dan dengan adanya hubungan global yang kukuh, kami yakin bahawa keputusan yang lebih baik akan dapat dicapai oleh bahagian ini. Aktiviti hidrografi di bawah **BTL Sdn Bhd** menghasilkan pendapatan yang sederhana selepas menyiapkan beberapa tinjauan hidrografi untuk Kerajaan dan Penguasa Pelabuhan. **Bestari Marine Sdn Bhd** mencatatkan hasil yang kurang menepati sasaran apabila sektor kargo dan marin tidak lagi menawarkan pekerjaan yang banyak.

P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd melaksanakan penggabungan dan penumpuan lanjut melalui pengambilalihan dalam industri, manakala syarikat-syarikat perkapalan mengkaji cara-cara untuk mencapai penjimatan melalui operasi yang diperbesar dalam persekitaran persaingan global yang hebat. Purata kadar pengangkutan setiap kontena untuk laluan perdagangan utama terus merosot berbanding tahun lalu.

Adskill Sdn Bhd, syarikat usahasama dengan TAFE Commission New South Wales, berjaya mengekalkan kedudukan pasarnya sepanjang tempoh kemelesetan baru-baru ini. Projek bagi melaksanakan program latihan teknikal dan pendidikan guru di Institut Kemahiran dan Keusahawanan PERHEBAT kini memasuki peringkat jaminan kualiti bagi mengekalkan pengiktirafan yang berterusan untuk 16 kursus perdagangannya. Pelbagai program sedang dirancang untuk dihantar ke agensi latihan vokasional yang lain dengan kerjasama PERHEBAT.

Boustead Information Technology Sdn Bhd menjalankan kerja-kerja persediaan Y2K untuk Kumpulan dan pelanggannya dalam tahun kajian. Syarikat turut mengadakan usahasama dengan Computer Systems Advisors (M) Berhad bagi membangun semula perisian perladangannya. Bagi tahun laporan, syarikat telah mencatatkan keuntungan yang meningkat, sebahagian besarnya disebabkan projek baru pembangunan perisian.

better results will be forthcoming in this area. Hydrography activities under **BTL Sdn Bhd** generated modest revenue having completed a number of hydrographic surveys for the Government and Port Authorities. **Bestari Marine Sdn Bhd** was slightly off target in its revenue as there was less work forthcoming from the cargo and marine sectors.

P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd saw further consolidation and concentration through acquisitions in the industry as companies explored avenues to improve on economies of scale advantage in an environment of intensifying global competition. The average freight rate per container in the major tradelanes continued to fall below those of a year ago.

Adskill Sdn Bhd, the joint venture company with the TAFE Commission of New South Wales, successfully maintained its market position during the recent recession period. The project to implement technical training and teacher education programme at Institute Kemahiran dan Keusahawanan PERHEBAT has entered a quality assurance phase to maintain continued certification of 16 trade courses. Programmes are being developed to deliver to other vocational training agencies in association with PERHEBAT.

Boustead Information Technology Sdn Bhd had a busy year on Y2K readiness work for the Group and clients. The company also entered into a joint collaboration with Computer Systems Advisors (M) Berhad to redevelop its plantations software. For the year under review, the company recorded an improved profit due mainly to new software development projects.

Kursus-kursus vokasional yang dilaksanakan oleh Adskill di IKK PERHEBAT. Vocational courses implemented by Adskill at IKK PERHEBAT.

Boustead Electronic Commerce Sdn Bhd menerajui usaha Kumpulan menceburi e-dagang. Syarikat ini sedang dalam peringkat persediaan akhir untuk melancarkan dua projek pada tahun 2000. Portal e-dagang akan menawarkan pelbagai rangkaian perkhidmatan dan produk termasuk barangan runcit dan keperluan rumah di samping perkhidmatan penghantaran sebagai perkhidmatan tambahan. Satu lagi projek yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi adalah pemilikan kad pembayaran aneka tujuan. Projek dengan kerjasama MEPS ini dijangka dilancarkan pada awal tahun 2000.

Prestasi jualan kedai-kedai di KLIA yang mengecewakan telah menjejaskan keputusan **Boustead Abela Sdn Bhd**. Syarikat juga telah ditawarkan kontrak untuk menguruskan operasi katering di ibu pejabat baru Suruhanjaya Sekuriti.

Emastulin Automobile Sdn Bhd, anak syarikat yang baru diambilalih, merupakan pemegang francais bagi kenderaan komersil BMC dan wakil peniaga kenderaan Nissan, Proton dan Suzuki. Seperti syarikat-syarikat lain dalam industri kereta, perniagaannya terjejas akibat kegawatan ekonomi. Walau bagaimanapun, syarikat berjaya mengurangkan sebahagian besar kerugiannya dalam tahun 1999.

Boustead Electronic Commerce Sdn Bhd spearheads the Group's venture into e-commerce. The company is in the final preparatory stages of launching two projects in 2000. The e-commerce portal will offer a wide range of services and products including groceries and household products with home delivery thrown in as an additional service. Another project in the pipeline is the personalisation of multi-purpose payment cards. Working closely with MEPS, this project is expected to be launched in early 2000.

The disappointing sales performance of the outlets at KLIA produced losses affecting the result of **Boustead Abela Sdn Bhd**. The company was awarded the contract for the catering operations at the Securities Commission's new headquarters building.

Emastulin Automobile Sdn Bhd, a newly acquired subsidiary, is the local franchise holder for BMC commercial vehicles and dealers for Nissan, Proton and Suzuki vehicles. Like other companies in the motor industry, its business was badly affected by the economic downturn. Nevertheless, the company managed to reduce its losses substantially in 1999.

Satu susunan foto yang menunjukkan program pembiakan kelapa sawit yang diusahakan oleh Applied Agricultural Research.
A montage of breeding programmes undertaken by Applied Agricultural Research.



Penyata

Kewangan

Laporan Lembaga Pengarah	38	•	60	Directors' Report
Penyata Pengarah-Pengarah Dan Akuan Berkanun	41	•	63	Statement By Directors And Statutory Declaration
Laporan Juruaudit	42	•	64	Auditors' Report
Akaun Untung Rugi	43	•	65	Profit And Loss Accounts
Kunci Kira-Kira	44	•	66	Balance Sheets
Penyata Aliran Tunai	45	•	67	Cash Flow Statement
Dasar-Dasar Perakaunan	46	•	68	Accounting Policies
Nota-Nota Untuk Akaun	48	•	70	Notes To The Accounts
Kumpulan Boustead	58	•	80	The Boustead Group

Financial

Statements

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan dan Akaun-akaun yang telah diaudit untuk Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh berakhir 31 Disember 1999.

Pertukaran Tahun Kewangan

Laporan dan Akaun-akaun ini adalah untuk tempoh lapan belas bulan berakhir 31 Disember 1999 mengikut pertukaran tahun kewangan Kumpulan dari 30 Jun supaya sama tarikh kunci kira-kira dengan perbadanan induk.

Aktiviti-Aktiviti Utama

Boustead Holdings Berhad telah diperbadankan di Malaysia dalam tahun 1960 sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan dan Kumpulan Boustead kini mengandungi lebih lapan puluh buah Syarikat Subsidiari dan Bersekutu, yang mana aktiviti-aktiviti utama dicatatkan di mukasurat 58 hingga 59.

Akaun-Akaun

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	366,776	(5,047)
Cukai	8,190	–
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai	358,586	(5,047)
Kepentingan minoriti	137,979	–
Keuntungan/(kerugian) untuk pemegang-pemegang saham	220,607	(5,047)
Pindahan ke rizab berkanun	5,722	–
Dividen	214,885	(5,047)
	30,822	30,822
Keuntungan/(kerugian) disimpan bagi tempoh	184,063	(35,869)

Pada pendapat Pengarah-pengarah, pencapaian operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tempoh kewangan, tidaklah begitu dipengaruhi oleh perkara, urusaniaga dan keadaan yang ketara dan luar biasa.

Tiada pemindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tempoh tersebut kecuali yang ternyata dalam Nota 14 kepada Akaun.

Dividen

Dalam tempoh yang berkenaan, dividen yang berikut telah dibayar oleh Syarikat:

- (a) Dividen akhir sebanyak 10%, ditolak cukai, berjumlah RM9,819,000 untuk tahun sebelumnya sebagaimana yang dicadangkan dalam Laporan Lembaga Pengarah tahun itu;
- (b) Dividen awal pertama sebanyak 7.5%, ditolak cukai, berjumlah RM7,365,000 untuk tempoh yang dilaporkan; dan
- (c) Dividen awal kedua sebanyak 10%, di tolak cukai, berjumlah RM9,819,000 untuk tempoh yang dilaporkan.

Pengarah-pengarah mencadangkan dividen akhir 10%, dikecualikan cukai, sebanyak RM13,638,000 bagi tempoh semasa ini.

Modal Saham

Di dalam tempoh semasa, modal saham dibenarkan telah ditambah kepada RM500,000,000 dengan pengujudan 700,000,000 saham biasa bernilai 50 sen setiap satu.

Perkara-perkara Penting

Pada 5 Februari 1999, Kumpulan telah membeli sebuah bangunan pejabat 20-tingkat yang terletak di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur dengan harga tunai RM100 juta.

Pada 12 April 1999, Kumpulan telah mengadakan perjanjian jual-beli dengan perbadanan Induk bagi pembelian hartanah pembangunan milik bebas yang dikenali sebagai Mutiara Damansara untuk pertimbangan jualan sebanyak RM246 juta. Pembelian tersebut adalah bergantung kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Skim Opsyen Saham Kakitangan

Skim Opsyen Saham Kakitangan Boustead Holdings Berhad (ESOS) telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 9 Mei 1996. Ciri-ciri utama Skim tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Mereka yang berkeelayakan adalah pekerja tetap yang telah berkhidmat secara terus menerus dengan Kumpulan sekurang-kurangnya duabelas bulan sebelum tarikh penawaran Skim, atau Pengarah-pengarah eksekutif Syarikat sepenuh masa yang telah diluluskan sebagai layak untuk menyertai Skim ini.
- (b) Opsyen berkuatkuasa selama lima tahun bermula daripada tarikh saham-saham opsyen ditawarkan.
- (c) Tiada opsyen yang akan diberi untuk memperolehi kurang daripada 2,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham.
- (d) Harga opsyen bagi sesaham akan mengikut purata sebutharga pasaran saham Syarikat seperti disenaraikan di dalam Senarai Rasmi Harian yang dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur bagi lima hari pasaran sebelum tarikh tawaran, atau pada nilai nominal saham, yang mana lebih tinggi.
- (e) Jumlah bilangan saham-saham yang akan ditawarkan dan diterbitkan di bawah Skim ini hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus modal saham terbitan Syarikat pada bila-bila masa Skim ini diwujudkan.
- (f) Opsyen yang telah diberi di bawah Skim ini boleh dilaksanakan oleh pemegang opsyen dengan memberi notis secara bertulis kepada Syarikat sepanjang jangkamasa bermula daripada tarikh tawaran dan berakhir pada 13 Jun 2001. Opsyen boleh dilaksanakan secara penuh atau sebahagiannya asalkan bilangan saham biasa tersebut hendaklah di dalam angkali 1,000 saham.

Pada 31 Disember 1999, saham biasa Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Skim adalah seperti berikut:

Jumlah Saham Biasa	Harga Langganan RM
17,462,000	5.19
825,000	5.55
2,271,000	3.95

Pengarah-Pengarah

Nama Pengarah-pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak laporan yang lepas dan ketika laporan ini disediakan, ialah:-

Y. Bhg. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat	En. David W. Berry
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	Y. Bhg. Dato' Megat Abdul Rahman Megat Ahmad
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	En. Azzat Kamaludin
Y. Bhg. Lt. Jen. (B) Dato' Mohd Yusof Din	

Tiada berlaku apa-apa peraturan yang melibati Syarikat di mana Pengarah-pengarah mungkin mendapat keuntungan melalui pembelian saham atau debentur, Syarikat atau mana-mana syarikat-syarikat pada penghujung tempoh ataupun pada bila-bila masa dalam tempoh berkenaan, selain daripada perkara-perkara yang telah termaktub di dalam Skim Opsyen Saham Kakitangan Boustead Holdings Berhad, dan opsyen diberi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Pengarah-pengarah berikut, yang memegang jawatan pada hujung tempoh kewangan, mengikut daftar yang patut disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat 1965 memiliki kepentingan saham dalam Syarikat dan Subsidiari-subsidiari atau subsidiari-subsidiari perbadanan induk seperti berikut:

	<u>Pada 1/7/98</u>	<u>Pembelian</u> <u>Saham 50 sen seunit</u>	<u>Jualan</u>	<u>Pada 31/12/99</u>
Boustead Holdings Berhad				
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	33,000	-	-	33,000
		<u>Saham RM1 seunit</u>		
Kuala Sidim Berhad				
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	-	1,000	-	1,000
SCB Developments Berhad				
Y. Bhg. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat	1,000	-	1,000	-
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	1,000	-	1,000	-
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	26,999	-	-	26,999
Affin Holdings Berhad				
En. Azzat Kamaludin	55,000	10,000	-	65,000
Tuan Hj. Johari Muhamad Abbas	17,000	-	-	17,000
Johan Ceramics Berhad				
Y. Bhg. Dato' Megat Abdul Rahman Megat Ahmad	2,000	-	-	2,000

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

	<u>Pada 1/7/98</u>	<u>Pembelian</u>	<u>Jualan</u>	<u>Pada 31/12/99</u>
Affin Holdings Berhad Warrants (W2)		Bilangan Unit		
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	5,000	–	5,000	–
En. Azzat Kamaludin	10,000	–	10,000	–
Opsyen atas Saham Biasa bernilai 50 sen seunit				
Boustead Holdings Berhad	<u>Pada 1/7/98</u>	<u>Diluluskan</u>	<u>Dilaksanakan</u>	<u>Pada 31/12/99</u>
Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin	500,000	–	–	500,000

Y. Bhg. Dato' Lodin Wok Kamaruddin telah diberi opsyen selama 5-tahun oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk membeli saham Boustead Holdings Berhad, sebanyak 9,500,000 dari LTAT pada harga RM3.50 seunit, yang masih belum dilaksanakan. Opsyen ini akan tamat tempohnya pada 22 November 2003.

Semenjak hujung tahun yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima apa-apa bayaran (selain daripada jumlah bayaran pendapatan yang diterima atau harus diterima sebagaimana ditunjukkan dalam Akaun Kumpulan atau gaji yang diterima oleh kakitangan sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah menjadi ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, yang perlu dinyatakan di bawah Seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965 selain daripada yang disebut dalam Nota 24 kepada Akaun.

Lain-Lain Maklumat Berkanun

- (a) Sebelum akaun untung rugi dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah wajar:
- menentukan yang tindakan sewajarnya diambil mengenai penghapusan hutang lapuk dan mengadakan peruntukan hutang ragu, dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - memastikan bahawa mana-mana harta semasa yang tidak mungkin, mengikut urusan biasa, mempunyai nilai sebagaimana terdapat dalam rekod perakaunan, diturunkan nilainya ke paras yang ianya mungkin diniagakan.
- (b) Pada tarikh ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui akan adanya perkara-perkara:
- yang telah mengakibatkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi; atau nilai harta semasa dalam akaun Kumpulan dan Syarikat mengelirukan;
 - yang boleh mengakibatkan cara penilaian harta atau tanggungan yang digunakan pada masa ini oleh Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai;
 - lain, yang tidak disebutkan dalam laporan ini atau dalam akaun Kumpulan atau Syarikat yang mungkin akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam akaun dan akaun yang disatukan menjadi mengelirukan.
- (c) Dalam tempoh di antara penghujung tempoh kewangan dan tarikh laporan ini, tidak wujud apa-apa:-
- cagaran aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul yang menjamin liabiliti sesiapa pun; atau
 - liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul.
- (d) Pada pendapat Pengarah-pengarah:-
- tiada liabiliti kontigen atau liabiliti lain yang berkuatkuasa atau akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tempoh kewangan yang mungkin atau akan menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat menghadapi tanggungannya sewaktu menunaikannya;
 - tiada perkara, urusan atau keadaan yang penting dan luarbiasa berlaku dalam tempoh selepas akhir tempoh kewangan hingga akhir laporan ini, yang mungkin menjejaskan pencapaian operasi Kumpulan atau Syarikat untuk tempoh kewangan yang dilaporkan.

Juruaudit

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula sebagai juruaudit dan satu resolusi mencadang perlantikan mereka akan dikemukakan pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Bagi Pihak Lembaga

JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD GHAZALI HJ. CHE MAT

Kuala Lumpur
28 Februari 2000

DATO' LODIN WOK KAMARUDDIN

PENYATA PENGARAH-PENGARAH DAN AKUAN BERKANUN

Penyata Pengarah-pengarah

Kami, JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD GHAZALI HJ. CHE MAT dan DATO' LODIN WOK KAMARUDDIN, dua daripada Pengarah-pengarah BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD menyatakan bahawa, pada pendapat Pengarah-pengarah, akaun-akaun yang dibentangkan di mukasurat 43 hingga 59 telah disusun menurut piawaian perakaunan yang diluluskan supaya memberi pandangan yang benar dan berpatutan mengenai perkara-perkara berikut:-

- (i) Kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 1999 dan hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut;
- (ii) Aliran tunai Kumpulan bagi tempoh berakhir 31 Disember 1999.

Bagi Pihak Lembaga

JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD GHAZALI HJ. CHE MAT

Kuala Lumpur
28 Februari 2000

DATO' LODIN WOK KAMARUDDIN

Akuan Berkanun Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, DANIEL EBINESAN, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD dengan sungguh dan sebenarnya mengakui bahawa, akaun-akaun yang dibentangkan di mukasurat 43 hingga 59 adalah pada pendapat saya betul dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa ianya benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan dengan sebenar-benarnya diakui di Kuala Lumpur, pada 28 Februari 2000.

Di hadapan saya
LT. COL. (B) HJ. ABDULLAH MOHD YUNUS
Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur

DANIEL EBINESAN

LAPORAN JURUAUDIT

Kepada Ahli-Ahli Boustead Holdings Berhad

Kami telah mengaudit Akaun-akaun yang dibentangkan di mukasurat 43 hingga 59. Akaun-akaun tersebut merupakan tanggungjawab Pengarah-pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk melahirkan pendapat ke atas akaun-akaun tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit kami berdasarkan piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah bahawa akaun-akaun adalah bebas dari salah nyata yang material. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, ke atas bukti yang menyokong sesuatu akaun dan pendedahan di dalam akaun-akaun. Audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran signifikan yang dibuat oleh para Pengarah-pengarah serta persembahan keseluruhan akaun-akaun. Kami percaya bahawa audit kami menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) akaun-akaun dan akaun yang disatukan telah disediakan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia supaya memberi pandangan yang sebenar dan berpatutan mengenai perkara-perkara berikut:-
 - (i) kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 1999 dan hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat dan aliran tunai Kumpulan untuk hujung tempoh yang berkenaan; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk dinyatakan dalam akaun-akaun.
- (b) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang perlu menurut Akta, disimpan oleh Syarikat dan Subsidiari-subsidiari yang mana kami menjadi juruaudit, adalah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta tersebut.

Kami telah mengkaji akaun-akaun dan laporan juruaudit kesemua Subsidiari yang kami tidak menjadi juruaudit, yang disebutkan di mukasurat 58 dan 59 pada akaun-akaun, iaitu akaun-akaun yang termasuk di dalam akaun yang disatukan.

Kami berpuashati bahawa akaun-akaun Subsidiari yang disatukan dengan akaun-akaun Syarikat adalah di dalam bentuk dan kandungan yang munasabah dan sesuai untuk menyediakan akaun yang disatukan dan kami telah menerima maklumat-maklumat dan penerangan yang memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan itu.

Laporan Juruaudit bagi akaun-akaun Subsidiari adalah bebas dari sebarang teguran dan tidak termasuk sebarang ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta Syarikat, 1965.

ERNST & YOUNG AF: 0039
Akauntan Awam

Kuala Lumpur
28 Februari 2000

CHOONG MEI LING 1918/9/00(J)
Rakan Perniagaan

AKAUN UNTUNG RUGI

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 1999		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000	12 bulan hingga 30 Jun 1998 RM'000	18 bulan hingga 31 Disember 1999 RM'000	12 bulan hingga 30 Jun 1998 RM'000
Perolehan		1,453,508	1,062,805	2,359	1,784
Keuntungan/(kerugian) kendalian	1	271,668	140,142	(5,047)	664
Bahagian keuntungan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu		95,108	23,422	–	–
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		366,776	163,564	(5,047)	664
Cukai	2	8,190	57,412	–	1,600
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai		358,586	106,152	(5,047)	(936)
Kepentingan minoriti		137,979	65,837	–	–
Keuntungan/(kerugian) bagi pemegang saham		220,607	40,315	(5,047)	(936)
Pindahan ke rizab berkanun		5,722	4,153	–	–
Dividen-dividen	3	214,885 30,822	36,162 14,729	(5,047) 30,822	(936) 14,729
Keuntungan/(kerugian) disimpan bagi tempoh		184,063	21,433	(35,869)	(15,665)
Pendapatan sesaham – sen	4	80.9	14.8		

Nota-nota di mukasurat 46 hingga 59 adalah sebahagian daripada Akaun-akaun ini.

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Disember 1999		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	31 Disember 1999 RM'000	30 Jun 1998 RM'000	31 Disember 1999 RM'000	30 Jun 1998 RM'000
Aset Digunakan					
Aset tetap	5	1,243,269	1,009,840	18,008	18,235
Hartanah pelaburan	6	278,267	174,000	–	–
Hartanah pembangunan	7	361,181	87,598	–	–
Subsidiari-subsidiari	8	–	–	291,656	279,335
Syarikat-syarikat Bersekutu	9	1,147,370	1,020,042	817,054	769,481
Pelaburan	10	17,837	10,291	17,670	7,811
Aset semasa	11	605,007	713,751	391,887	446,650
Liabiliti semasa	12	1,084,419	1,047,260	868,509	892,877
Liabiliti semasa bersih		(479,412)	(333,509)	(476,622)	(446,227)
		2,568,512	1,968,262	667,766	628,635
Dibiayai Oleh					
Modal saham	13	136,376	136,376	136,376	136,376
Rizab	14	1,396,939	1,222,102	455,840	491,709
Dana pemegang saham		1,533,315	1,358,478	592,216	628,085
Kepentingan minoriti		654,886	540,695	–	–
Pinjaman jangka panjang	15	360,447	51,279	75,000	–
Ganjaran persaraan		2,900	3,105	–	–
Cukai tertunda	16	16,964	14,705	550	550
		2,568,512	1,968,262	667,766	628,635

Nota-nota di mukasurat 46 hingga 59 adalah sebahagian daripada Akaun-akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 1999

Kumpulan

	1999 RM'000	1998 RM'000
Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi		
Keuntungan sebelum cukai	366,776	163,564
Pelarasan-pelarasan bagi:-		
Perbelanjaan faedah	79,520	64,035
Susutnilai	36,668	25,380
Keuntungan daripada pertukaran wang	(6,341)	–
Peruntukan untuk ganjaran persaraan	1,302	235
Peruntukan bersih untuk rosot nilai Syarikat Bersekutu dan pelaburan disebutbarga	300	3,500
Keuntungan daripada penjualan pelaburan	(2,524)	(151)
Pendapatan faedah	(19,127)	(8,038)
Keuntungan daripada penjualan aset tetap dan hartanah	(23,734)	(4,817)
Keuntungan daripada penjualan Subsidiari-subsubsidiari	(5,425)	–
Keuntungan yang tersimpan di Syarikat-syarikat Bersekutu	(77,073)	(15,813)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	350,342	227,895
Perubahan dalam modal kerja:-		
Stok dan hartanah pembangunan	(253,662)	(64,007)
Penghutang	150,272	(27,688)
Pemiutang	58,985	(17,409)
Dana daripada operasi	305,937	118,791
Cukai dibayar	(43,684)	(29,365)
Ganjaran persaraan dibayar	(1,496)	(398)
Aliran masuk tunai bersih daripada aktiviti operasi	260,757	89,028
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan		
Pembelian hartanah pelaburan	(104,267)	–
Pengambilalihan Subsidiari-subsubsidiari (Nota 17)	(36,647)	(7,906)
Penjualan Subsidiari-subsubsidiari (Nota 18)	2,472	–
Pelaburan tambahan di dalam Subsidiari	(2,304)	–
Pengambilalihan Syarikat-syarikat Bersekutu	(50,830)	(186,336)
Pembelian pelaburan	(12,573)	(5,579)
Hasil daripada penjualan pelaburan	10,272	2,732
Pembelian aset tetap	(180,781)	(98,986)
Hasil daripada penjualan aset tetap	44,914	9,480
Faedah diterima	19,127	8,038
Aliran keluar tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	(310,617)	(278,557)
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan		
Terbitan saham dan bayaran dividen – oleh Syarikat	(27,003)	(16,628)
– oleh Subsidiari-subsubsidiari kepada kepentingan minoriti	(25,737)	(16,408)
Hasil daripada pinjaman jangka panjang	275,000	50,000
Bayaran pinjaman jangka panjang	(66,502)	(4,457)
Faedah dibayar	(117,616)	(67,797)
Aliran masuk/(keluar) tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	38,142	(55,290)
Kurangan Bersih dalam Tunai dan Setara Tunai	(11,718)	(244,819)
Tunai dan Setara Tunai pada Awal Tempoh	(659,286)	(414,467)
Tunai dan Setara Tunai pada Akhir Tempoh (Nota 19)	(671,004)	(659,286)

Nota-nota di mukasurat 46 hingga 59 adalah sebahagian daripada Akaun-akaun ini.

DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah, dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan sepertimana yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dalam semua segi yang material. Di dalam tempoh perakaunan semasa, Kumpulan telah menggunakan sesetengah peruntukan peralihan di dalam Piawaian Perakaunan Antarabangsa No. 16 (semakan), 'Hartanah, Loji dan Peralatan', berdasarkan peruntukan di mana sesebuah entiti, yang tidak mengadaptasikan polisi penilaian semula adalah dibenarkan untuk menahan amaun nilai semula berasaskan kepada penilaian semula yang terdahulu (tertakluk kepada kesinambungan di dalam polisi susutnilai dan keperluan untuk menurunkan nilai aset kepada amaun boleh tebus).

(b) Asas Penyatuan

Akaun-akaun Kumpulan mengambilkira akaun-akaun Syarikat dan semua Subsidiari-subsidiari yang telah diaudit bagi tempoh berakhir 31 Disember 1999. Butir Subsidiari-subsidiari ditunjukkan di mukasurat 58 dan 59.

Pencapaian Subsidiari-subsidiari yang diambilalih atau dijual dalam tempoh diambilkira daripada/hingga tarikh berkuat-kuasanya pengambilalihan atau penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai berpatutan aset Subsidiari-subsidiari ditentukan dan nilai aset-aset ini ditunjukkan dalam akaun Kumpulan. Perbezaan di antara harga pengambilalihan dan nilai harta syarikat ditunjukkan sebagai rizab atau muhibah di atas penyatuan dan diambilkira secara rizab.

(c) Syarikat-Syarikat Bersekutu

Syarikat Bersekutu adalah syarikat yang ditakrif sebagai syarikat bukan Subsidiari di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti tidak kurang daripada 20% dan Kumpulan berperanan penting di dalam menentukan dasar-dasar kewangan dan operasinya.

Bahagian Kumpulan daripada penghasilan Syarikat Bersekutu disatukan ke dalam akaun untung rugi Kumpulan. Bagi Syarikat-syarikat Bersekutu yang tidak sama tarikh kunci kira-kira mereka dengan Syarikat, pencapaian operasinya untuk tempoh itu diambilkira daripada akaun pengurusan yang belum diaudit. Butir-butir Syarikat-syarikat Bersekutu ditunjukkan di mukasurat 59.

(d) Pendapatan Dividen

Dividen-dividen yang diperolehi daripada Subsidiari-subsidiari diambilkira di dalam akaun untung rugi apabila dividen itu diumumkan atau dicadangkan. Dividen awal yang diterima daripada lain-lain syarikat, termasuk Syarikat-syarikat Bersekutu, diambilkira apabila dividen itu diumumkan. Dividen akhir daripada syarikat-syarikat lain, termasuk Syarikat-syarikat Bersekutu, adalah diambilkira jika ianya dicadangkan sebelum tarikh kunci kira-kira dan diluluskan pada tarikh sebelum akaun-akaun ini diluluskan oleh Pengarah-pengarah.

(e) Susutnilai

Tanah-tanah pegangan bebas dan tanah-tanah ladang yang dipajakkan untuk tempoh yang lama tidak disusutnilaikan. Tanah-tanah lain yang dipajakkan termasuk tanah-tanah ladang yang dipajakkan untuk tempoh yang singkat, disusutnilai mengikut kadar tempoh pajakan yang meliputi dari 29 hingga 66 tahun. Semua bangunan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus, bangunan-bangunan di ladang selama 20 tahun dan lain-lain bangunan selama 50 tahun. Susutnilai bagi aset tetap yang lain adalah mengikut kaedah garis lurus berasaskan kepada nilai asal, mengikut anggaran usiaguna seperti berikut:-

Bangunan	20 – 50 tahun
Loji dan mesin	5 – 10 tahun
Perabut & perkakas	3 – 10 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun

(f) Perbelanjaan Tanaman Baru dan Tanaman Semula

Perbelanjaan bagi kawasan tanaman baru termasuk segala faedah yang ditanggung sehingga tanaman matang, adalah dimasukkan ke dalam harga tanah. Perbelanjaan tanaman semula diambilkira dalam akaun untung rugi bagi tahun perbelanjaan itu dibuat.

(g) Hartanah Pelaburan

Tanah dan bangunan yang dianggap sebagai harta pelaburan tidak disusutnilaikan. Adalah menjadi dasar Kumpulan untuk menilai semula harta pelaburan setiap 5 tahun atau lebih awal jika difikirkan sesuai berdasarkan nasihat dari Penilai dan Penaksir Bertauliah. Lebihan/kekurangan yang timbul dari pelbagai penilaian adalah diselesaikan melalui rizab.

(h) Hartanah Pembangunan

Hartanah pembangunan dicatat pada kos dan termasuk perbelanjaan tanah, bahan-bahan, tenaga kerja, yuran profesional, faedah dan lain-lain perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan pasti yang berkaitan.

(i) Stok dan Kerja Dalam Pelaksanaan

